



UiTM@Media **2016**

Jaringan Industri

UITM@Media
2016

14 pelajar Universiti Sussex kagum dengan Malaysia

Program Kem Musim Panas Go Green UiTM membuka peluang dan ruang kepada pelajar dari Universiti Sussex, Britain untuk mengenali Malaysia, sekaligus mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua universiti itu.

seorang pelajar Universiti Sussex membantu peniaga air di Pasar Agro Shah Alam.



KETERUJAHAN para peserta menyaksikan keindahan panorama taman hutan yang menghijau jelas terpancar dari mata mereka yang rata-ratanya baru pertama kali menjejakkan kaki di bumi Malaysia.

Meskipun masih dalam proses untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang jauh berbeza dari bumi Britain, 14 pelajar Universiti Sussex itu amat berbesar hati kerana berpeluang menyertai Kem Musim Panas Go Green anjuran Fakulti Sains Gunaan (FSG) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Salah seorang pelajar tersebut, **Henry Andrews**, 23, memberitahu, dia sudah lama berhasrat untuk berkunjung ke Malaysia dan peluang menyertai Kem Musim Panas Go Green merupakan satu peluang keemasan yang sukar ditolaknya.

"Saya memang suka melancong dan Malaysia merupakan salah satu lokasi pilihan. Ini merupakan kali pertama saya ke sini dan saya amat kagum dengan pembangunan serta landskap hijaunya.

Santai

"Saya juga amat teruja dengan aktiviti Kem Musim Panas Go Green ini yang mendekatkan saya dengan alam. Selain itu, kami banyak didedahkan dengan kesenian dan budaya masyarakat di Malaysia," kata pelajar jurusan Fizik itu.

Tambahnya, pengalaman sepanjang dua minggu berkampung di Malaysia



BERSAMBUNG
DI SEBELAH

membuka minda dan termasuk melakukan

beberapa perkara yang tidak pernah terlintas olehnya.

Kem tersebut merupakan program yang julung-julung kali diadakan dalam usaha pihak UiTM untuk memperkukuhkan jalinan dan jaringan antara universiti tempatan serta antarabangsa.

Ia juga bertujuan untuk mendidik generasi muda melalui perkongsian idea, nilai, praktis dan penyelesaian masalah berkaitan dengan isu-isu alam sekitar.

Turut serta, 12 orang pelajar UiTM.

Program anjuran Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri FSG itu juga memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi serta mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh daripada aktiviti-aktiviti sepanjang kem berlangsung.

Bertemakan *Penerokaan, Pengalaman dan Keronokan*, kem berkenaan

bukanlah program pendidikan secara tradisional tetapi membawa peserta menimba ilmu secara santai dengan aktiviti luar kampus, bertemu masyarakat serta menikmati keindahan alam di Malaysia.

Sepanjang kem tersebut berlangsung, Andrews memberitahu, dia banyak mempelajari perkara baharu, sekali gus memberi idea untuk beberapa projek sains di kampusnya.



ANDREWS

Konsep

Meskipun kebanyakan pendekatan sains dalam kem tersebut sedikit berbeza dengan jurusan yang diambalnya, anak jati Portsmouth itu masih dapat memahami konsep penyelidikan di

Malaysia.

"Landskap alam sekitar dan tumbuhan



TIGA orang pelajar Universiti Sussex ini bersantai sebentar di Taman Kaktus, Taman Botani Negara Shah Alam.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



di Malaysia sangat berbeza berbanding di negara saya. Iklim Khatulistiwa di sini turut mempengaruhi kewujudan flora dan faunanya.

"Saya dapat melihat pelbagai spesies haiwan secara langsung di habitatnya. Ia sangat berbeza dengan Britain kerana haiwan liar seperti monyet atau biawak juga agak jarang ditemui,"

ujarnya yang sudah boleh bertutur beberapa patah perkataan bahasa Melayu.

Pengalaman itu turut dikongsi, **Sam Quick**, 19, yang sangat teruja menimba ilmu tentang sejarah dan budaya masyarakat Malaysia.

Pelajar jurusan Sejarah itu tidak segan bertanya kepada beberapa pakar dan pembimbing dalam beberapa aktiviti tentang sejarah dan budaya adat resam di Malaysia.

"Walaupun kem ini lebih kepada pendekatan alam sekitar, terdapat juga beberapa aktiviti yang memberi pendedahan tentang adat resam dan sosiobudaya masyarakat di sini.

"Saya berpeluang menjual tapai, meraikan majlis rumah terbuka Aidilfitri, belajar cara memanah berkuda dan paling menyeronokkan, bermain permainan tradisional sambil mengenakan pakaian tradisi masyarakat Malaysia," kata anak jati Guildford itu.

Tambahnya, kunjungan ke Masjid Biru dan Muzium Kesenian Islam, Shah Alam juga memberikannya satu pengalaman berharga selain perspektif baharu tentang Islam yang tidak pernah



NOR IZZATI



QUICK

INFO

Kem musim panas Go Green



■ **Penganjur:** Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Fakulti Sains Gunaan UiTM

■ **Pengerusi:** Prof. Dr. Azizah Hanom Ahmad, (Timbalan Dekan Fakulti Sains Gunaan, UiTM)

■ **Tema:** Penerokaan, Pengalaman dan Keronokan

■ Merupakan program jaringan antarabangsa yang pertama dianjurkan oleh pihak UiTM.

■ Melibatkan 14 pelajar daripada Universiti Sussex, Britain dan 12 pelajar tempatan.

■ Berlangsung selama dua minggu dari 18 hingga 31 Julai 2016, program ini membawa pelajar mempelajari tentang keindahan flora dan fauna serta adat resam budaya di Malaysia.

■ Antara lokasi yang dilawati ialah Putrajaya, Kuala Selangor, Taman Botani Negara Shah Alam, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia, Bukit Lagong, Pasar Agro Shah Alam dan Ladang Alam Warisan, Negeri Sembilan.

BERSAMBUNG DI SEBELAH

diketuainya sebelum ini.

Program yang berlangsung dari 18 hingga 31 Julai lalu turut membawa peserta melawat beberapa lokasi lain seperti Putrajaya, Kuala Selangor, Taman Botani Negara Shah Alam, Ladang Alam Warisan di Seri Menanti, Negeri Sembilan dan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia.

Potensi

Kebanyakan pelajar Universiti Sussex terbabit terbuka dan menerima perbezaan budaya dan adat resam kedua-dua negara.

Mereka juga tidak kekok menyesuaikan diri meskipun adakalanya mengeluh dek cuaca panas dan serangan nyamuk ketika di hutan yang sangat jarang dirasai oleh warganegara Britain berkenaan.

Namun, mereka tetap melemparkan senyuman dan melihat setiap cabaran dari sudut yang positif. Ia merupakan sifat yang perlu dipuji dan wajar

dicontohi oleh pelajar tempatan.

Sementara itu, selain membentuk mahasiswa yang lebih berfikiran luas melalui pengukuhan jaringan antarabangsa, penganjuran Kem Musim Panas *Go Green* turut memberi impak positif kepada pelajar tempatan.

Menurut ahli **Majlis Perwakilan Pelajar UiTM, Nor Izzati**

Nordin, program berkenaan telah mendedahkannya untuk berkomunikasi dengan rakyat asing yang berbeza adat, fahaman dan bahasa.

“Kem ini adalah modul terbaik untuk membawa pelajar tempatan keluar daripada kebiasaan komunikasi. Ia juga membuka ruang untuk mempraktikkan bahasa kedua negara dalam komunikasi harian bersama pelajar antarabangsa.

“Pada masa sama, ia juga dapat memupuk semangat setia kawan antara pelajar dan memberi peluang kepada mereka untuk berkongsi ilmu dan pengalaman apabila pulang kelak,” jelasnya.



PESERTA bergambar kenangan setelah melakukan aktiviti di Skytrex Taman Botani Negara, Shah Alam.



PELAJAR turut dibawa berhibur di I-City Shah Alam

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

